

23 OCT 2003

Kayak-Buku

KU MOHD FOZI CADANG BUKUKAN PENGALAMAN BERKAYAK

KANGAR, 23 Okt (Bernama) -- Ku Mohd Fozi Ku Husin yang menamatkan ekspedisi berkayak sejauh lebih 800 kilometer dari Johor Baharu ke Kuala Perlis semalam, bercadang membukukan pengalamannya.

Beliau berkata pengalaman itu boleh menjadi rujukan terutama ekspedisi itu diadakan sempena menghargai kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan bersara akhir bulan ini.

Ketika ditemubual oleh Radio Malaysia Perlis (RMPs) hari ini, Ku Mohd Fozi, 52, berkata jasa dan pengorbanan Dr Mahathir begitu besar kepada negara dan rakyat.

"Saya lakukan ekspedisi itu semata-mata untuk menyatakan penghargaan kepadanya (Dr Mahathir)" kata bapa kepada sepuluh anak itu.

Ku Mohd Fozi yang berasal dari Kampung Belukar, Arau, Perlis berkata Dr Mahathir merupakan pemimpin yang istimewa.

"Dr Mahathir telah memimpin negara dengan penuh cabaran selama 22 tahun dan pengalaman itu terlalu besar berbanding pengalaman saya selama 22 hari berkayak," katanya semasa ditemubual juruhebah RMPs, Azmi Mansor.

Katanya beliau telah melalui pelbagai pengalaman selama 22 hari berkayak berbanding Dr Mahathir yang telah memimpin selama 22 tahun.

Ku Mohd Fozi yang kini menetap bersama isteri, Norhayati Ibrahim, 45, di Johor, Negri Sembilan, berpuas hati kerana berjaya mencatat beberapa angka 22 dalam ekspedisi itu termasuk tempoh berkayak, tarikh sampai ke Kuala Perlis pada 22 Okt dan singgah di 22 lokasi.

Beliau yang tidak pernah menyertai mana-mana persatuan kayak, berharap generasi muda menjadikan sukan berkayak sebagai antara sukan pilihan kerana ia tidak membabitkan kos yang tinggi.

Ku Mohd Fozi yang dianggap seniman kerana kebolehannya bermain muzik, menari, menyanyi dan melukis, mengakui telah menerima tawaran daripada sektor ekonomi selepas kejayaan ekspedisi itu.

-- BERNAMA

AD LAT